

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, 13 March, 2017 12:40 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Mohamad Zainol Abidin Bin Adam; Hanizaton Bt Hassan
Subject: PROGRAM JUNGLE TREKKING SBM BERTEMAKAN "SBM FAMILY WALK"



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

13 Mac 2017 | 14 Jamadilakhir 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Seri/Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan

PROGRAM JUNGLE TREKKING SBM BERTEMAKAN "SBM FAMILY WALK"



SBM ONLINE: Staf Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) berpeluang merasai sendiri pengalaman menyertai program Jungle Trekking yang bertemakan “SBM Family Walk”. Seramai 40 orang staf SBM pelbagai peringkat adalah antara individu-individu bertuah yang berpeluang menyertai program yang dianjurkan oleh Kelab Staf SBM. Staf SBM yang diketuai sendiri oleh Yang Berusaha Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Dekan SBM, telah berpeluang mencabar diri dari segi fizikal dan mental, memperoleh ilmu pengetahuan mengenai flora dan fauna yang tidak terbilang spesiesnya, menikmati udara dan persekitaran yang sihat, mempraktikkan “survival” mudah dan yang paling penting ialah merapatkan kerja berpasukan (team work) di kalangan mereka.

Sepanjang perjalanan sejauh 2 kilometer meredah Hutan Sintok, macam-macam halangan perlu diharungi seperti jalan sempit dan licin, bukit yang curam, laluan berduri selain cabaran perlu berpaut pada tali dan batu untuk meneruskan perjalanan. Aktiviti ini mengajar peserta supaya sentiasa tenang dan tidak boleh mementingkan diri sendiri semata-mata dalam menjalankan sesuatu tugas. Mereka harus sentiasa bantu-membantu sesama ahli pasukan dalam mengharungi setiap halangan sehingga selesai keluar dari hutan.

Sepanjang perjalanan, peserta telah berhenti di beberapa “check point” untuk mendengar ucapan pendek selam 5 minit yang dipanggil “Self Relection” yang disampaikan oleh beberapa staf secara sukarela.

“SBM Family Walk” ini berakhir di Tasik Sintok. Yang Berusaha Dekan SBM menyatakan bahawa pihaknya amat menyokong penuh apa-apa usaha yang melibatkan semua staf dalam aktiviti meningkatkan kerja berpasukan seperti program Jungle Trekking ini. Beliau seterusnya berkata “Walk alone if you want to go fast, but walk together if you want to go far. We can achieve excellence if we are together”.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.